

# Pelajar UMS sertai klinik Go-Kart

**PENAMPANG:** Seramai 33 orang mahasiswa Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah antara yang menyertai pertandingan 'Klinik Go-Kart' yang diadakan di Wong Kwok Go-Kart dekat sini, kelmarin.

Pegawai Jabatan belia dan Sukan UMS, Mohd. Asyraam Abdullah berkata, pertandingan ini diadakan bertujuan untuk memperkenalkan sukan bermotor yang amat mencabar ini kepada belia khususnya kepada mahasiswa.

"UMS mengadakan program seumpama ini sebagai menyahut seruan kerajaan dalam memperkenalkan sukan mencabar ini kepada masyarakat amnya," katanya.

Katanya, Pertandingan ini adalah dipertandingkan antara kolej kediaman UMS di mana dibahagikan kepada dua kategori iaitu kategori lelaki dan wanita.

Sehubungan itu, pihak UMS akan mengadakan pertandingan 'Formula One/Go-Kart' tiap-tiap bulan pada tahun ini, di mana acara ini akan dipertandingkan di antara kolej-kolej kediaman UMS.

Asyraam berkata, mahasiswa yang terlibat kali ini adalah dari pelbagai bidang pengajian termasuklah Sekolah Psikologi dan Kajian sosial, Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi maklumat, Sekolah Sains dan Teknologi, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi; Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, Sekolah Perhutanan dan Tropika dan Sekolah Pendidikan.

"Tiga orang kakitangan UMS juga turut serta dalam pertandingan yang diadakan kali ini," tambah Asyraam.

"Saya berharap pertandingan ini bukan sahaja memberikan pendedahan kepada mahasiswa, tetapi dapat menjadikan pengalaman ini sebagai sesuatu yang amat penting dalam dirinya, untuk menghadapi sesuatu yang lebih mencabar dalam hidup masing-masing," jelas Asyraam.

Sementara itu, UMS juga dalam perancangan untuk memperkenalkan sukan berkuda, mendaki, perahu layar dan beberapa sukan yang mencabar sebagai pendedahan kepada mahasiswa-mahasiswa institusi pengajian itu, tidak lama lagi.